



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS SEMARAK PELANCONGAN MELAKA 2022

TARIKH: 13 JUN 2022 (ISNIN), MASA: 8.00 MALAM
DI HOTEL ROYALE CHULAN, PULAU PINANG.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

YAB Tuan Chow Kon Yeow,
Ketua Menteri Pulau Pinang;

YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Tuan Yeoh Soon Hin,
EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang;

YB Datuk Muhammad Jailani bin Khamis,
EXCO Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Melaka;

YB Datuk Salhah binti Salleh,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;

YBrs. Encik Badaruddin bin Mohd Kassim,
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
(Pembangunan);

YBhg. Datuk Akramudin bin Abd Aziz,
Pengerusi Perbadanan Muzium Melaka;

YBrs. Encik Saari bin Basiron,
Pengurus Besar Tourism Melaka;

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan;

Wakil Persatuan-persatuan Penggiat Pelancongan Pulau
Pinang;

Seterusnya, Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang
saya hormati sekalian;

1. Pertama-tamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana pada petang yang bertuah ini, kita masih diberikan kesempatan untuk sama-sama menghadiri Majlis Semarak Pelancongan Melaka 2022 di Negeri Pulau Pinang, Pulau Mutiara.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah kepimpinan YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang berbesar hati menerima

kunjungan delegasi Kerajaan Negeri Melaka sempena program **Semarak Pelancongan dan Sesi Padanan Niaga, Revitalise & Rejuvenate Melaka 2022** di Pulau Pinang mulai **12 hingga 14 Jun 2022** ini.

3. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ‘Selamat Datang’ kepada semua penggiat pelancongan Pulau Pinang yang sudi menerima undangan kami ke **Majlis Semarak Pelancongan Melaka 2022** pada petang ini. Sesungguhnya, saya amat kagum dengan komitmen dan kesungguhan YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua

Menteri Pulau Pinang dalam membangunkan dan memajukan sektor pelancongan di Pulau Pinang.

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

4. Pada 7 Julai 2008, Jawatankuasa Warisan Dunia, semasa pertemuan di Quebec, Kanada telah mengiktiraf Melaka dan Pulau Pinang sebagai “**Bandaraya Bersejarah di Selat Melaka**”. Melaka dan Pulau Pinang khususnya George Town mempunyai sejarah yang hampir sama. Melaka dan George Town, kedua-duanya

terletak di pinggir Selat Melaka, yang telah dibangunkan lebih dari 500 tahun lalu sebagai pusat perdagangan dan penempatan. Maka, terhasillah proses asimilasi budaya antara timur dan barat. Pengaruh Asia dan Eropah telah membentuk warisan silang budaya yang *intrinsic*, diadun pula dengan nilai-nilai warisan ketara dan tidak ketara daripada masyarakat pelbagai kaum. Inilah yang membentuk Melaka dan George Town yang unik.

5. Sejak pengiktirafan tersebut, Melaka dan George Town kian menjadi tumpuan utama pelancong yang datang ke negara ini. Kebersamaan antara kedua-dua bandar raya

ini, Melaka dan George Town bagaikan adik-beradik yang walaupun berjauhan tetapi jiwa dan warisan yang dekat. Sesungguhnya, kedua-dua bandar raya ini mengharapkan kedatangan pelancong dari seluruh dunia. Sektor pelancongan di kedua-dua bandar raya ini membangun dengan pesat sekali, pada masa yang sama, kita saling memerlukan perkongsian pengalaman terutama dalam bidang pengurusan pemuliharaan dalam jangka masa panjang supaya warisan kita terus terpelihara dan terpelihara dalam arus pembangunan moden.

YAB Tuan Chow dan para hadirin sekalian;

6. Untuk makluman YAB, delegasi dari Melaka yang hadir pada hari ini bukan sahaja terdiri daripada ketua-ketua jabatan, malah turut melibatkan agensi-agensi penggiat pelancongan, pengusaha hotel, produk inap desa, produk eko-pelancongan dan tidak ketinggalan juga wakil pengusaha beca Melaka. Saya juga telah mencadangkan supaya mereka melawat produk-produk pelancongan terkemuka di Pulau Pinang, menuntut ilmu dan menimba pengalaman di sini, agar selepas ini mereka boleh menyusun strategi baru, berfikir dan bertindak di

luar kotak ke arah pembangunan industri pelancongan di Melaka. Sesungguhnya kita perlu sentiasa meningkatkan ilmu dan pengetahuan untuk terus memajukan diri. Dalam konteks ini, saya sangat positif dan terbuka untuk menimba ilmu dan pengalaman di mana sahaja termasuk di Pulau Pinang ini.

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Sebentar tadi, saya dimaklumkan pegawai-pegawai pelancongan Melaka yang telah berkongsi gambar lawatan mereka ke Kampung Agong Seberang Perai,

Jalan Lebuh Aceh Armenian, Bukit Bendera, The Habitat, muzium serta pengalaman menaiki beca di Pulau Pinang yang cukup menakjubkan. Banyak gambar-gambar yang dikongsi itu dimuat turun dalam media sosial masing-masing. Esok kami akan melawat Jajaran Tembok Kota Lama dan *The Top* di KOMTAR. Dalam hal ini, saya mencadangkan agar agensi pelancongan di kedua-dua negeri terus menjalinkan kerjasama dan kolaborasi yang lebih hebat untuk mempromosikan pakej pelancongan di kedua-dua negeri.

8. Selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa Malindo Air (kini Batik Air) akan memulakan operasi bagi sektor Melaka-Pulau Pinang selepas Indonesia atau Pekan Baru mula membuka ruang udara antarabangsa. Harapan saya adalah apabila penerbangan antara Melaka-Pulau Pinang bermula, kita sudah bersedia dengan pakej pelancongan dua hala.

9. Walaupun Melaka-Pulau Pinang ada banyak persamaan sosial dan budaya, tetapi ada perbezaan yang ketara di sebalik persamaan yang perlu kita terokai, umpamanya masakan Baba Nyonya di mana Melaka lebih pedas, dan Pulau Pinang pula agak manis. Selepas ini, saya berharap semua anggota delegasi dapat mengambil kesempatan ini untuk saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta menghasilkan pakej pelancongan yang lebih menarik.

10. Sebagai penutup bicara, saya mempelawa delegasi Kerajaan Pulau Pinang khususnya YAB Tuan Chow untuk mengadakan lawatan balas ke Melaka pula untuk kita bersama-sama membangunkan sektor pelancongan Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka-George Town.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

-TAMAT-